

14/10/1998

Kewajaran pendirian Malaysia kian kukuh

NATIJAH daripada perjumpaan pegawai kewangan antarabangsa dan peneraju perbankan ketika mesyuarat tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Washington DC baru-baru ini memperkukuhkan kewajaran pendirian Malaysia berhubung peraturan dagangan dan aliran mata wang global.

Perlunya satu pemikiran baru dalam kerangka sistem kewangan global terutama berhubung fungsi badan kewangan antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia amat jelas selepas dunia mempelajari pengajaran pahit daripada krisis kewangan Asia.

Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutarakan apa yang disifatkan sebagai idea menentang arus di Hong Kong tahun lalu, penyokong pasaran bebas membuat kecaman dan mahu kerajaan tidak masuk campur serta membiarkan kuasa pasaran menentukan arahnya sendiri.

Langkah Malaysia mewujudkan jentera fungsi khas dalam menangani kesan kegawatan terhadap sistem perbankan turut dituduh sebagai langkah menyelamatkan syarikat tertentu dan syarikat yang berpengurusan lemah serta tidak cekap.

Keengganan Malaysia untuk tidak terus menerima pakai saranan IMF mengenai kadar faedah tinggi dalam menangani krisis ekonomi turut dikecam secara tidak adil sedangkan masih terlalu awal untuk melihat kesan dasar baru yang dilaksanakan.

Malaysia bulan lalu mengenakan kawalan tukaran asing secara berpilih untuk membendung spekulasi luar negara terhadap ringgit dan untuk mengawal aliran modal jangka pendek. Nilai ringgit juga ditetapkan pada paras RM3.80 bagi satu dolar Amerika.

Bagaimanapun, mesyuarat IMF dan Bank Dunia yang baru berlalu jelas mempamerkan angin perubahan dan peralihan pandangan pembikin dasar yang turut mendebatkan dua perkara pokok iaitu pengurusan krisis dan perlunya satu kod perlakuan baru dalam kegiatan modal antarabangsa.

Malahan, kalangan ahli ekonomi termasuk pegawai kanan IMF dilaporkan turut beralih pendapat berhubung peranan kerajaan untuk campur tangan dalam pasaran.

Bekas pengerusi Majlis Penasihat Ekonomi Presiden Amerika Syarikat, Profesor Martin Feldstein, secara terbuka mengkritik tindak-tanduk IMF dalam menangani negara bermasalah akibat krisis di Asia.

Beliau yang juga pensyarah ekonomi di Harvard berkata, IMF melakukan tiga kesilapan iaitu menjejaskan keyakinan pembiaya pinjaman global, membuat percubaan mengubah secara radikal struktur asas ekonomi negara peminjam dan mengenakan dasar kewangan dan fiskal yang menyebabkan penguncupan keterlaluan.

Menerusi tulisannya yang diterbitkan oleh jurnal kewangan antarabangsa baru-baru ini, Feldstein berkata, IMF mempamerkan sikap angkuh yang tidak wajar apabila menetapkan bahawa bantuan kewangan dalam pakej yang dipersetujui negara bermasalah hanya akan dikeluarkan apabila negara berkenaan melaksanakan perubahan yang ditentukan oleh badan dunia itu.

Menurutnya, kemudahan kredit antarabangsa hanya berkesan sekiranya ia boleh memberi kredit dengan cepat, pada kadar lebih tinggi daripada pasaran untuk mengelak penggunaan yang tidak berhemah.

"Membiarkan kemuflihan secara besar-besaran dan menyebabkan kekacauan politik yang berleluasa bukan satu cara yang baik untuk menarik pelabur asing kembali," katanya.

Berhubung isu perlunya kod perlakuan yang baru dalam kegiatan dagangan mata wang, Britain mengemukakan cadangan mewujudkan satu mekanisme penyelarasan untuk memastikan amalan yang betul dan menyediakan pengawasan antarabangsa secara berjangka sistem kewangan bagi semua negara dan aliran modal antarabangsa.

Mekanisme ini bukan setakat menyerlahkan kelemahan tetapi memastikan semua kelemahan diambil tindakan dan mengenal pasti risiko keranapan sistem kepada struktur kewangan global.

Setiausaha Perbendaharaan Britain, Gordon Brown dalam mengemukakan cadangan itu menegaskan, penubuhan Jawatankuasa Tetap bagi Peraturan Kewangan Global harus menemukan secara bulanan bukan saja IMF dan Bank Dunia, tetapi juga Jawatankuasa Basel serta badan pengawalseliaan lain.

Badan pengawalseliaan ini akan bertindak menggubal mekanisme bagi menyelaraskan piawaian antarabangsa bagi peraturan kewangan global. Jawatankuasa tetap itu juga dijangka dapat membantu mencari cara lebih baik untuk mengenal pasti risiko keranapan sistem.

Brown berkata, perlunya diwujudkan satu pengawal selia kewangan global untuk mengenakan lebih kawalan terhadap spekulator mata wang dan dana lindung nilai.

Dalam wawancara dengan stesen televisyen BBC, Brown berkata, pelabur dan penyimpan serta pengguna berhak mengetahui bahawa wang mereka dilindungi dengan betul dan tidak diperjudikan.

"Kami berazam untuk mewujudkan peraturan ini, bukan saja untuk Britain, tetapi untuk seluruh dunia," katanya.

Beliau juga akan menggesa Eropah turut membantu menyumbang dan melaksanakan reformasi terhadap IMF supaya badan itu boleh berfungsi mengelakkan berlakunya krisis, bukan menanganinya selepas ia berlaku.

Dalam sebuah artikel yang disiarkan sebuah jurnal kewangan antarabangsa minggu lalu, Brown mengulangi apa yang diutarakan oleh Dr Mahathir kira-kira 12 bulan lalu berhubung perlunya ketelusan dalam tindak-tanduk dana lindung nilai.

Menurut Setiausaha Perbendaharaan Britain itu, peristiwa sejak krisis kewangan Asia menunjukkan betapa pentingnya ketelusan kegiatan dana berkenaan dan memperkukuh peraturan di negara ekonomi baru muncul serta negara industri terutama dalam kegiatan kewangan melangkaui sempadan.

Cadangan Brown itu didasarkan daripada Memorandum Persefahaman yang diterbitkan di Britain tahun lalu menetapkan pembahagian tanggungjawab yang jelas serta mewujudkan sistem pengawasan secara berjangka bagi memastikan kerjasama antara institusi kewangan negara itu dalam menangani risiko sistemik.

(END)